

Anwar terima anugerah tertinggi Turkiye

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menerima anugerah *Order of the Republic*, iaitu darjah kebesaran tertinggi Turkiye, sebagai pengiktirafan terhadap peranan beliau memperkukuh hubungan dua hala di antara Malaysia dan republik itu.

Anugerah berkenaan disampaikan oleh Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan dalam majlis yang berlangsung di Kompleks Presiden di Ankara kelmarin.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Anwar dalam kenyataan berkata, beliau menerima penganugerahan itu dengan penuh syukur dan rendah diri, bukan atas kapasiti peribadi, sebaliknya bagi seluruh rakyat Malaysia.

"Penganugerahan ini juga me-

lambangkan keakraban persahabatan yang sudah lama terjalin di antara kedua-dua negara, berteraskan kepercayaan, saling menghormati dan aspirasi bersama untuk keamanan serta kemakmuran sejagat," katanya.

Anwar juga berharap pengiktirafan itu akan terus menjadi pemangkin untuk memperkukuh kerjasama Malaysia dan Turkiye merentasi pelbagai bidang strategik, demi manfaat rakyat kedua-dua negara.